KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	012.03.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JMG			

SINAR HARIAN • SABTU 12 MAC 2022

Dua kali dengar bunyi dentuman kuat

Penduduk Taman Bukit Permai 2 kongsi detik cemas tanah runtuh

Oleh ENGKU SHARIFUL AZNI

AMPANG

FOTO: BERNAMA



Lokasi kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 Ampang yang meragut empat nyawa selain merosakkan 15 rumah serta 10 kenderaan.

LAPORAN MUKA DEPAN

Penduduk di Taman Bukit Permai 2 di sini terkejut apabila mendengar dentuman kuat sebanyak dua kali sebelum berlaku kejadian tanah runtuh yang turut menyebabkan jiran mereka terperangkap pada petang Khamis.

Seorang penduduk, Man Leong Dias, 60, terdengar bunyi dentuman kuat sekitar jam 5.50 petang setelah pulang ke rumahnya yang jaraknya hanya 200 meter dari lokasi kejadian.

Dia yang menetap di situ sejak 12 tahun lalu turut dikejutkan dengan bunyi dentuman kuat kali kedua lima minit kemudian sewaktu hujan masih lebat.

"Ini kali pertama terjadi (tanah runtuh), sangat teruk.

"Saya harap hari ini (Jumaat) hujan tidak turun, kalau tidak mungkin lebih teruk (tanah runtuh)," katanya ketika ditemui pada Jumaat.

Seorang lagi penduduk, Ishak Junos, 54, yang tinggal berhampiran terkejut melihat kejadian tanah runtuh berlaku di depan matanya setelah pulang dari kerja bersama rakan.



ISHAK

Menurutnya, dia juga turut dimaklumkan oleh penduduk sekitar terdapat warga emas terperangkap dalam runtuhan berkenaan.

"Penduduk sekitar sini beritahu ada seorang pak cik masih dalam salah sebuah rumah yang tertimbus, tapi nak tolong macam mana?" katanya yang sudah menetap di situ selama 20 tahun.

Ujarnya, kejadian itu menimbulkan tanda-tanya kerana tiada sebarang projek di kawasan berkenaan.

Sementara itu, seorang penduduk, Lee Wel Hua, 55, melihat sendiri kereta dan rumah tertimbus dalam runtuhan yang berlaku hanya 300 meter dari rumahnya.

"Anak saya mengenali cucu mangsa yang terperangkap dalam tanah runtuh terus menghubungi saudara mangsa untuk memaklumkan tentang kejadian ini," katanya.